




STATISTIK UTAMA HALAL 2023



Pertubuhan Halal mencatatkan nilai output kasar berjumlah RM417.2 bilion pada tahun 2022, melibatkan 12,424 pertubuhan - Banci Ekonomi 2023

- Secara keseluruhan, pertubuhan berstatus Halal di Malaysia berjumlah 12,424 dengan nilai output kasar, RM417.2 bilion pada 2022. Pertubuhan tersebut menggaji seramai 610.7 ribu orang dan membayar gaji & upah berjumlah RM25.1 bilion.
- Sektor perkhidmatan mendominasi pertubuhan berstatus Halal, merangkumi 8,464 pertubuhan. Sektor ini menyumbang kepada nilai output kasar dan bilangan pekerja masing-masing berjumlah RM59.6 bilion dan 314.4 ribu orang. Sektor pembuatan pula mencatat 3,590 pertubuhan dengan nilai output kasar berjumlah RM347.8 bilion dengan bilangan pekerja direkodkan seramai 283.2 ribu orang. Sektor pertanian pula merekodkan 370 pertubuhan, menyumbang secara sederhana kepada jumlah keseluruhan nilai output kasar (RM9.9 bilion) dan bilangan pekerja (13.1 ribu orang).
- Sebanyak 7,748 pertubuhan PMKS berstatus Halal telah direkodkan, mewakili 62.4 peratus daripada keseluruhan pertubuhan berstatus Halal. PMKS menjana nilai output kasar RM86.8 bilion melibatkan seramai 241.1 ribu orang pekerja. Selain itu, perbelanjaan gaji & upah mencatatkan jumlah RM8.2 bilion pada tahun 2022.
- Pertubuhan berstatus Halal milikan wanita mencatatkan 1.3 ribu pertubuhan pada tahun 2022 dengan nilai output kasar berjumlah RM15.1 billion. Pertubuhan ini telah menggaji seramai 30.4 ribu orang pekerja dan membayar gaji berjumlah RM905.3 juta.
- Selangor muncul sebagai negeri utama dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan, mencatatkan bilangan tertinggi pertubuhan berstatus Halal dalam sektor pembuatan (825) dan sektor perkhidmatan (2,533). Nilai output kasar yang direkodkan masing-masing adalah RM99.6 bilion bagi sektor pembuatan dan RM22.5 bilion bagi sektor perkhidmatan. Sebaliknya, Johor mendahului dalam sektor pertanian dengan 75 pertubuhan berstatus Halal, menghasilkan nilai output kasar berjumlah RM1.4 bilion.
- Jumlah eksport produk Halal pada tahun 2022 mencecah RM59.9 bilion, dengan kategori Makanan & Minuman muncul sebagai penyumbang tertinggi berjumlah RM28.1 bilion. Bahan Halal menyusul rapat dengan nilai eksport RM23.4 bilion, manakala Kosmetik & Barangan Penjagaan Peribadi merekodkan RM3.5 bilion. Destinasi eksport utama termasuk China (RM7.1 bilion), Singapura (RM6.2 bilion), Jepun (RM3.7 bilion) dan Amerika Syarikat (RM3.4 bilion), sekaligus memperlihatkan pasaran global Malaysia yang kukuh dalam ekonomi Halal.

